



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)

PERSIDANGAN PENGURUS KANAN JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

29 SEPTEMBER 2016

-
1. YB Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia telah menyempurnakan Majlis Perasmian Persidangan Pengurus Kanan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Grand Bluewave Hotel, Shah Alam hari ini.
 2. Turut hadir di majlis berkenaan ialah YB Datuk Ir. Hj. Hamim Bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Dr Nadzri bin Yahaya, Timbalan Setiausaha (Sumber Asli), NRE dan YBhg. Dato' Ir. Hj. Zulkifle Bin Hassan, Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).
 3. Persidangan Pengurus Kanan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia merupakan program dwi tahunan JPS yang bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada semua kakitangan Pengurusan dan Profesional (Gred J48 ke atas) berbincang dan menambah pengetahuan berhubung isu-isu Semasa JPS.

4. Tema persidangan pada tahun ini adalah “*JPS - Towards Water Security*”. Tema ini dipilih bagi membincangkan isu berkaitan pengurusan dan keselamatan sumber air melibatkan pembentangan kertas kerja daripada empat orang pakar dari Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Bekalan Air dan Akademi Sains Malaysia. Persidangan ini telah dihadiri oleh 228 Pegawai Kanan JPS pada tahun ini..

5. Selaku “Peneraju Perkhidmatan Kepakaran Kejuruteraan dan Pengurusan Sumber Air Negara” JPS telah merangka Pelan Strategik Jabatan. Lima teras strategik telah digubal yang mencakupi semua aspek utama bagi JPS sebagai sebuah organisasi atau Jabatan Teknikal yang berperanan dalam menerajui pengurusan sumber air negara ke arah sekuriti air. Di antara strategi yang digariskan dalam perancangan JPS bagi merealisasikan pelaksanaan Pelan Strategik ini ialah :
 - i. *Merealisasikan Pengurusan Lembangan Sungai secara bersepadu melalui IWRM/ IRBM.*
 - ii. *Memperkukuhkan pengurusan dan pembangunan zon pantai serta muara sungai.*
 - iii. *Pelaksanaan Pelan Pengurusan Garis Pantai Bersepadu ISMP*
 - iv. *Program pemantauan dan ramalan air pasang surut dan juga penerobosan air masin di kuala sungai.*
 - v. *Memperkasakan dasar dan perundangan melalui rancangan penggubalan Rang Undang-Undang Sumber Air Negara.*
 - vi. *Pelaksanaan National Flood Forecasting and Warning Programme atau Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB)*
 - vii. *National Water Balance Management System (NAWABS) bagi menilai dan memastikan sumber dan dapatan air di sesuatu lembangan disesuaikan mengikut keperluan atau demand dari perbagai pihak berkepentingan.*